

SULIT

NO. KAD PENGENALAN

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

ANGKA GILIRAN

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--



**LEMBAGA PEPERIKSAAN
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA**

SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2011**5226/1****TASAWWUR ISLAM****Kertas 1****Nov./Dis.**1 $\frac{1}{4}$ jam

Satu jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU

1. **Tulis nombor kad pengenalan dan angka giliran anda pada petak yang disediakan.**
2. **Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: Bahagian A dan Bahagian B.**
3. **Jawab semua bahagian.**
4. **Bahagian A mengandungi 20 soalan. Jawab setiap soalan dengan menghitamkan ruangan yang betul di halaman 12 dalam kertas soalan ini.**
5. **Bahagian B mengandungi 20 soalan. Jawab semua soalan. Jawapan anda hendaklah ditulis pada ruangan jawapan yang disediakan dalam kertas soalan ini.**
6. **Anda dinasihati supaya mengambil masa 30 minit untuk menjawab soalan Bahagian A dan 45 minit untuk Bahagian B.**

Untuk Kegunaan Pemeriksa			
Kod Pemeriksa:			
Bahagian	Soalan	Markah Penuh	Markah Diperoleh
A	1-20	20	
B	21-40	20	
Jumlah		40	

Kertas soalan ini mengandungi 12 halaman bercetak dan 2 halaman tidak bercetak.

[Lihat halaman sebelah
SULIT



Bahagian A

[20 markah]

- 1 Hikmah Allah SWT merahsiakan kejadian hari kiamat supaya manusia

- A meninggalkan kemewahan hidup
- B dapat mengalaminya apabila mati
- C dapat membuktikan kebenarannya
- D taat dan patuh kepada perintah-Nya

Setelah amalan baik dan jahat dibacakan, amalan tersebut ditimbang untuk menentukan ke arah mana mereka akan ditempatkan sama ada ke syurga atau ke neraka.

- 2 Antara yang berikut yang manakah yang menjelaskan situasi di atas?

- A Hari hisab
- B Hari kiamat
- C Hari kematian
- D Hari kebangkitan

Islam mengharuskan seseorang tidak berpuasa di bulan Ramadan sekiranya bermusafir.

- 3 Pernyataan di atas adalah contoh kesederhanaan dalam Islam dari aspek

- A ibadat
- B akhlak
- C kerohanian
- D perundangan

- 4 Antara yang berikut yang manakah tanggungjawab anak terhadap ibu bapa?

- A Menyediakan keperluan asas
- B Memberikankekayaan kepada ibu bapa
- C Melaksanakan tanggungjawab dalam pelajaran
- D Memastikan mendapat pendidikan yang sempurna

- 5 Antara yang berikut yang manakah etika kerja dalam Islam?

- A Bertoleransi dalam semua perkara
- B Berpuas hati terhadap setiap hasil kerja
- C Berlemah lembut dalam semua tindakan
- D Bersungguh-sungguh menyiapkan setiap tugas

- 6 Antara yang berikut yang manakah implikasi larangan pencerobohan harta dalam Islam?
- I Perpaduan bertambah erat
 - II Keselamatan harta terjamin
 - III Golongan miskin menjadi kaya
 - IV Bebas mencari harta tanpa batas
- A I dan II
- B II dan III
- C III dan IV
- D I dan IV
- 7 Antara yang berikut yang manakah merupakan keunggulan perundangan Islam?
- A Hakim bebas membuat keputusan
 - B Hukuman bersifat memberi pengajaran
 - C Hakim membuat keputusan tanpa ragu-ragu
 - D Hukuman dipersetujui oleh kedua-dua pihak
- 8 Sesebuah masyarakat yang hidup sayang-menayangi dan hormat-menghormati antara satu sama lain merujuk kepada pengertian
- A jati diri ummah
 - B perpaduan ummah
 - C kesaksamaan sosial
 - D jaminan keselamatan
- 9 Perpecahan umat Islam dapat dibendung melalui
- I pengamalan budaya yang sama
 - II pegangan kepada akidah yang sebenar
 - III pengharaman perbuatan menyebarkan fitnah
 - IV penyelarasan penggunaan bahasa dalam masyarakat
- A I dan II
- B II dan III
- C III dan IV
- D I dan IV

[Lihat halaman sebelah
SULIT]

- 10** Pilih pernyataan yang betul mengenai perbezaan penyelesaian masalah cara Islam dengan cara konvensional.

	Penyelesaian Cara Islam	Penyelesaian Cara Konvensional
A	Berteraskan sentimen.	Berteraskan emosi.
B	Matlamat untuk dunia.	Matlamat untuk akhirat.
C	Menambahkan keyakinan kepada diri sendiri.	Menambahkan keyakinan kepada Allah SWT.
D	Al-Quran dan al-Hadis sebagai rujukan.	Pemikiran manusia sebagai rujukan.

- 11** Antara yang berikut yang manakah ciri-ciri ilmu fardu kifayah?
- I Memberi faedah kepada manusia dan alam
 - II Berkaitan dengan kepentingan kehidupan dunia
 - III Memadai diamalkan oleh sebahagian umat Islam
 - IV Wajib diketahui dan diamalkan oleh semua umat Islam
- A** I, II dan III
B I, II dan IV
C I, III dan IV
D II, III dan IV
- 12** Antara yang berikut yang manakah kesan pendewaan terhadap manusia?
- A Mengurangkan pahala ibadah
 - B Dipinggirkan masyarakat
 - C Meruntuhkan akhlak
 - D Terpesong akidah
- 13** Antara yang berikut yang manakah tanggungjawab manusia terhadap Allah SWT?
- A Mengerjakan haji lebih daripada sekali
 - B Menunaikan puasa sepanjang tahun
 - C Mengeluarkan zakat apabila mampu
 - D Mendirikan solat tanpa mengira waktu
- 14** Antara yang berikut yang manakah ciri sistem sosial Islam?
- A Bertoleransi dalam semua urusan
 - B Pergaulan berdasarkan tuntutan wahyu
 - C Mengutamakan individu daripada umum
 - D Mengamalkan adat resam pelbagai kaum

Menggunakan kemahiran dan kepakaran untuk memperoleh keuntungan peribadi dengan cara yang salah.

15 Pengertian di atas merujuk kepada

- A riba
- B rasuah
- C monopoli
- D manipulasi

Hukum	Pengertian
X	Larangan Allah SWT yang mesti ditinggalkan.
Sunat	Perkara yang digalakkan untuk dilakukan.

16 Berdasarkan jadual di atas, X ialah

- A wajib
- B harus
- C makruh
- D haram

- Mempunyai kitab suci.
- Disampaikan oleh utusan Allah SWT.

17 Pernyataan di atas menerangkan ciri-ciri agama

- A budaya
- B dunia
- C langit
- D akhirat

[Lihat halaman sebelah
SULIT

Islam ialah agama yang sesuai bagi semua manusia tanpa mengira bangsa, tempat dan zaman.

- 18** Pernyataan di atas merujuk kepada
- A ‘Alamiyyah
B Rabbaniyyah
C Syumuliyyah
D Waqi’iyah
- 19** Manakah padanan yang betul mengenai kesalahan dan hukuman jenayah menurut Islam?

	Kesalahan	Hukuman
A	Murtad	disebat 100 kali
B	Zina muhsan	disebat 100 kali
C	Minum arak	disebat 40 kali
D	Qazaf	disebat 40 kali

- 20** Cara melaksanakan solat dijelaskan secara terperinci melalui
- A al-Quran
B al-Hadis
C al-Ijmak
D al-Qias

Bahagian B

[20 markah]

Soalan 21 hingga Soalan 24

Tulis istilah yang bersesuaian dengan pernyataan berikut pada ruangan yang disediakan.

- 21 Teks hadis ialah sesuatu perkara yang diambil daripada Rasulullah SAW.

1

- 22 Kerjasama dalam perkara-perkara yang membawa kebaikan seperti dalam bidang perniagaan, sewa-menyewa dan gadaian.

1

- 23 Sesuatu usaha yang dilakukan secara bersungguh-sungguh untuk menghasilkan penetapan hukum syarak.

1

- 24 Pembatalan ikatan perkahwinan oleh kadi disebabkan tidak mematuhi syarat tertentu semasa akad nikah.

1

Soalan 25 hingga Soalan 28

Lengkapkan pernyataan berikut:

- 25 Maksud hukum _____ ialah perintah Allah SWT yang mesti dilakukan, jika dilaksanakan akan dapat pahala tetapi jika ditinggalkan manusia akan dikira berdosa.

1

- 26 Wahyu al-Quran diturunkan secara _____ selama 23 tahun kepada Rasulullah SAW melalui malaikat Jibril a.s.

1

- 27 Hikmah dikenakan hukuman sebat atau rejam kepada pesalah yang berzina dapat menjaga kesucian _____ dan maruah daripada dicemari.

1

- 28 Ibadat _____ ialah semua amalan kebajikan yang disyariatkan oleh Allah SWT bagi menghubungkan manusia dalam sesuatu masyarakat.

1

**[Lihat halaman sebelah
SULIT]**

Soalan 29 hingga Soalan 32 berdasarkan Jadual A di bawah.


Al-Ijarah	Al-Murabahah	Al-Rahn	Al-Wadiah
-----------	--------------	---------	-----------

Jadual A
Jenis-jenis muamalah

Tulis pada ruangan jawapan yang disediakan di bawah dengan berpandukan pilihan jawapan daripada Jadual A.

No. Soalan	Pernyataan	Jawapan
1	29 Seorang pendeposit menyimpan wang di bank dan menerima keuntungan hasil simpanannya berdasarkan budi bicara bank.
1	30 Seorang pemilik kebun menjual kebunnya dengan mengambil keuntungan 30% daripada harga asal kebun tersebut.
1	31 Seorang peniaga pasar tani menggadaikan barang kemasnya kepada pihak bank untuk mendapatkan modal perniagaannya.
1	32 Seorang pemilik kedai menyewakan kedainya kepada seseorang untuk membuka perniagaan kenderaan.

Soalan 33 hingga Soalan 36 berdasarkan Jadual B di bawah.



Jadual B

33 P ialah _____.

1

34 Q ialah _____.

1

35 R ialah _____.

1

36 S ialah _____.

1

Soalan 37 hingga Soalan 40

Tandakan (✓) pada pernyataan yang betul.

Tandakan (X) pada pernyataan yang salah.

37 Ma'unah ialah perkara luar biasa yang berlaku kepada manusia biasa yang tinggi darjatnya di sisi Allah SWT.

1

38 Sekularisme ialah fahaman yang mempercayai bahawa hanya bendalah yang menyebabkan adanya dan terjadinya segala sesuatu di dunia ini.

1

39 Kreatif ialah menghasilkan atau membawa pembaharuan ke arah yang lebih baik.

1

40 Keistimewaan bekerja sendiri ialah tidak terikat dengan waktu dan tempat.

1

KERTAS SOALAN TAMAT

Markah
Bahagian B

KERTAS JAWAPAN**Bahagian A**

- | | | | | | | | | | |
|----|-----|-----|-----|-----|----|-----|-----|-----|-----|
| 1 | (A) | (B) | (C) | (D) | 11 | (A) | (B) | (C) | (D) |
| 2 | (A) | (B) | (C) | (D) | 12 | (A) | (B) | (C) | (D) |
| 3 | (A) | (B) | (C) | (D) | 13 | (A) | (B) | (C) | (D) |
| 4 | (A) | (B) | (C) | (D) | 14 | (A) | (B) | (C) | (D) |
| 5 | (A) | (B) | (C) | (D) | 15 | (A) | (B) | (C) | (D) |
| 6 | (A) | (B) | (C) | (D) | 16 | (A) | (B) | (C) | (D) |
| 7 | (A) | (B) | (C) | (D) | 17 | (A) | (B) | (C) | (D) |
| 8 | (A) | (B) | (C) | (D) | 18 | (A) | (B) | (C) | (D) |
| 9 | (A) | (B) | (C) | (D) | 19 | (A) | (B) | (C) | (D) |
| 10 | (A) | (B) | (C) | (D) | 20 | (A) | (B) | (C) | (D) |

Markah Bahagian A

SULIT



LEMBAGA PEPERIKSAAN
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA

SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2011

5226/2

TASAWWUR ISLAM

Kertas 2

Nov./Dis.

2 $\frac{1}{2}$ jam

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi **tujuh** soalan.*
2. ***Soalan 1** mesti dijawab. Kemudian jawab **empat** soalan daripada mana-mana soalan berikutnya.*
3. *Kesemuanya **lima** soalan yang mesti dijawab.*
4. *Jawapan anda hendaklah ditulis dalam buku jawapan yang disediakan. Sekiranya ruang dalam buku jawapan tidak mencukupi, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan. Helaian tambahan (jika ada) hendaklah diikat dan dihantar bersama-sama buku jawapan pada akhir peperiksaan.*

Kertas soalan ini mengandungi 4 halaman bercetak dan 4 halaman tidak bercetak.

[Lihat halaman sebelah

5226/2 © 2011 Hak Cipta Kerajaan Malaysia

SULIT



Soalan 1 mesti dijawab. Kemudian jawab **empat** soalan daripada mana-mana soalan berikutnya.

- 1 (a) (i) Apakah yang dimaksudkan dengan Rububiyyah? [2 markah]
(ii) Nyatakan **dua** konsep Rububiyyah. [2 markah]
- (b) Nyatakan **dua** bukti kebenaran ajaran Islam. [2 markah]
- (c) Nyatakan **empat** bukti al-Quran sebagai wahyu daripada Allah SWT. [4 markah]
- (d) Terangkan **dua** peranan hadis sebagai penjelas kepada al-Quran. [4 markah]
- (e) Terangkan **tiga** cara bersyukur dengan nikmat akal. [6 markah]
- 2 (a) Nyatakan **empat** hak asasi manusia yang dijamin oleh Islam. [4 markah]
- (b) Islam menuntut umatnya sentiasa melakukan kebaikan untuk mencapai kehidupan yang sejahtera.
Senaraikan **empat** sifat mulia bagi mencapai matlamat tersebut. [4 markah]

“Allah SWT tidak membebankan seseorang melainkan sesuai dengan kesanggupan (kemampuan)”. Maksud al-Baqarah ayat 286.

- (c) Terangkan **dua** contoh ibadat yang membuktikan bahawa Islam tidak membebankan umatnya berdasarkan maksud ayat di atas. [4 markah]
- (d) Dalam ajaran Islam terdapat perkara-perkara yang bersifat tetap (thabat) tidak boleh dipinda prinsip dan pelaksanaannya.
Terangkan **dua** perkara tersebut. [4 markah]
- (e) Terangkan perkaitan antara konsep thabat dengan murunah mengenai perkara berikut:
(i) Pakaian
(ii) Puasa Ramadan [4 markah]

- 3 (a) (i) Senaraikan **empat** ciri pemimpin menurut Islam. [4 markah]

- (ii) Jelaskan **dua** tanggungjawab pemimpin menurut Islam. [4 markah]

Seseorang hakim terikat dengan etika kehakiman supaya keadilan dan kesaksamaan dapat dicapai.

- (b) (i) Terangkan **dua** etika hakim menurut Islam. [4 markah]

- (ii) Jelaskan **dua** faedah penghakiman yang adil dalam perbicaraan. [4 markah]

- (c) Huraikan **dua** keperluan hubungan silaturahim dalam hidup bermasyarakat. [4 markah]

- 4 (a) (i) Nyatakan pengertian harta menurut Islam. [2 markah]

- (ii) Senaraikan **dua** contoh harta yang tidak boleh alih. [2 markah]

- (b) Terangkan **dua** sebab Allah SWT mengamanahkan harta kepada manusia. [4 markah]

- (c) Anda terpilih sebagai penerima biasiswa pendidikan.
Nyatakan **empat** cara anda menggunakan wang tersebut dengan berhemah. [4 markah]

- (d) Jelaskan **dua** tujuan Allah SWT membataskan hak milik harta kepada manusia. [4 markah]

- (e) Anda dijemput untuk menyampaikan syarahan bertajuk "Kebaikan pekerjaan yang halal".
Terangkan **dua** hujah bagi menyokong tajuk syarahan di atas. [4 markah]

- 5 (a) Jelaskan **dua** matlamat perundangan Islam. [4 markah]

- (b) (i) Nyatakan **empat** contoh amalan sunat. [4 markah]

- (ii) Terangkan **dua** hikmah penetapan hukum sunat. [4 markah]

- (c) Huraikan **dua** kesan perbuatan makruh terhadap individu yang melakukannya. [4 markah]

Para ulamak telah membahagikan ibadat kepada dua jenis iaitu ibadat khusus dan ibadat umum.

- (d) (i) Apakah maksud ibadat khusus? [2 markah]

- (ii) Senaraikan **dua** contoh ibadat khusus. [2 markah]

[Lihat halaman sebelah
SULIT]

- 6 (a) Jelaskan **dua** sebab setiap masalah perlu diselesaikan secara Islam. [4 markah]

Anda telah dipujuk oleh rakan-rakan untuk menyertai pesta minum arak.

- (b) Terangkan **tiga** cara anda mengelak diri daripada terlibat dengan gejala tersebut. [6 markah]
- (c) Jelaskan **tiga** kesan buruk perbuatan meminum arak kepada individu yang melakukannya. [6 markah]
- (d) Huraikan **dua** bukti Islam mampu menyelesaikan gejala seks bebas dalam kalangan masyarakat. [4 markah]

- 7 (a) Nyatakan **empat** kelebihan penyelesaian masalah menurut Islam. [4 markah]

- (b) Nyatakan **empat** cara menyelesaikan masalah kemiskinan dalam sesebuah keluarga menurut Islam. [4 markah]

- (c) Sifat inovatif sangat penting untuk mewujudkan ummah yang mempunyai jati diri yang teguh.

- (i) Jelaskan **dua** cara mewujudkan sifat inovatif kepada individu. [4 markah]

- (ii) Terangkan **dua** kesan kepada individu yang memiliki sifat inovatif. [4 markah]

Zulkifli berasa simpati apabila Badrul mengadu kepadanya tentang masalah dalam pembelajaran di sekolah.

- (d) Huraikan **dua** cara yang sepatutnya Zulkifli lakukan untuk menyelesaikan masalah tersebut. [4 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT